



**KENYATAAN TAWARAN TENDER**  
**MEMBELI KELENGKAPAN DAPUR TERPAKAI BANGUNAN BAITUL MAKMUR 2**  
**LEMBAGA AMANAH KEBAJIKAN MASJID NEGERI SARAWAK (LAKMNS)**

**Tawaran Tender No. :** LAKMNS/PELUPUSAN/MEI-OGOS/2025(02)

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat sah dan aktif yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berminat untuk menyertai tender berikut:

| Tajuk                                                                | Bayaran Deposit<br>(akan dikembalikan untuk<br>tawaran tidak berjaya) | Bayaran Harga Dokumen<br>Tender (Non-<br>refundable/Tidak<br>dikembalikan) |
|----------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------|
| Membeli kelengkapan Dapur<br>Terpakai di Bangunan Baitul<br>Makmur 2 | RM1,000.00                                                            | 30.00                                                                      |

2. Bagi syarikat yang berminat, lawatan tapak untuk melihat aset adalah wajib dan akan diadakan pada 8 DISEMBER 2025 jam 09:00 PAGI di dapur bankuet bangunan Baitul Makmur 2, Medan Raya, Petra Jaya, 93500 Kuching Sarawak. Kegagalan menghadiri lawatan tapak akan menyebabkan petender tidak layak mengemukakan tawaran.  
(Koordinat Lokasi: 1.576684, 110.346204)
3. Pembelian dokumen tender hanya dibenarkan selepas syarikat menghadiri lawatan tapak. Dokumen tender boleh dibeli di Pejabat Jabatan Aset Dan Fasiliti, Tingkat 1 Baitul Makmur 1, Medan Raya, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak pada hari yang sama untuk lawatan tapak di atas.
4. Dokumen Tender akan dijual dalam bentuk "softcopy" pendrive. Petender dikehendaki mencetak dokumen tersebut dalam bentuk salinan kertas (hardcopy) dan menyerahkannya kepada Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak mengikut syarat-syarat tender yang ditetapkan.
5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda **No. Tender: LAKMNS/PELUPUSAN/MEI-OGOS/2025(02)** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

**Pejabat Jabatan Aset Dan Fasiliti LAKMNS,  
Tingkat 1, Baitul Makmur 1,  
Medan Raya, Petra Jaya,  
93050 Kuching, Sarawak.**

6. Bayaran yang dikehendaki dalam Kenyataan Tender ini hendaklah dibuat secara 'Banker's Cheque' /Bank Draft yang dibayar atas nama Lembaga Amanah Kebajikan Masjid Negeri Sarawak.
7. Tarikh tutup Tawaran Tender adalah pada **15 DISEMBER 2025** pada jam **4:00 PETANG**. Tawaran yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.
8. Sebarang dokumen Tender yang diterima oleh LAKMNS selepas tarikh dan masa yang ditetapkan seperti yang tertera diatas tidak akan dipertimbangkan.
9. Untuk maklumbalas dan pertanyaan, sila hubungi Jabatan Aset Dan Fasiliti LAKMNS di talian **082-313128**.